

SENARAI SEMAK (BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)

Sila Tandakan Bagi Dokumen-Dokumen Yang Disertakan

BIL	PERKARA / DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Butiran Sebut harga telah diisi dengan lengkap (Termasuk Anggaran Kos keseluruhan Dan Anggaran Tempoh Siap Kerja) Dan Ditandatangani di Ringkasan Tawaran +Bahagian II (Keperluan Spesifikasi Teknikal)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Soal Selidik Mengenai Latar Belakang Syarikat (Borang II)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Soal Selidik Mengenai Pengalaman Syarikat (Borang III)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Borang Akuan Sebut Harga (Borang IV)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Surat Akuan Pembida (Borang V)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank Bagi 3 Bulan Terakhir (Oktober, November, dan Disember 2018)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

9.	Salinan Sijil SST	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.	Sokongan Teknikal	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11.	Katalog/Gambar/Model Perkakasan Yang Dicapangkan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12.	Lain-lain Sekiranya Ada: _____	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<p><u>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</u></p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>		<p><u>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</u></p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebutharga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada)</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>	



**PEJABAT DAERAH /TANAH
KLANG**

DOKUMEN SEBUT HARGA

Tajuk Sebut Harga :

**PERKHIDMATAN MENGUKUR, MENJAHIT DAN MEMBEKAL
PAKAIAN SERAGAM PEMBANTU PENGUATKUASA
TERMASUK KASUT SERTA KELENGKAPAN BERKAITAN
DI PEJABAT DAERAH/TANAH KLANG**

NO SEBUT HARGA: PDTK / KP / 04 / 2019

Kontraktor :
(Cop kontraktor)

HARGA DOKUMEN	:	RM 10.00
TARIKH BUKA	:	11 JANUARI 2019 (JUMAAT)
TARIKH TAKLIMAT	:	16 JANUARI 2019 (RABU) JAM 10.00 PAGI
TARIKH TUTUP	:	22 JANUARI 2019 (SELASA) JAM 12.00 TENGAHARI

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
TINGKAT 1,
BANGUNAN PEJABAT DAERAH/TANAH KLANG
JALAN KOTA
41902 KLANG

KANDUNGAN

PENGENALAN SEBUT HARGA

BAHAGIAN I : ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PEMBEKAL

ITEM	PERKARA	MUKA SURAT
1.	ARAHAN AM	8
2.	BIDANG KERJA PENYEBUT HARGA	9
3.	KEPERLUAN KELAYAKAN PENYEBUT HARGA	9
4.	BORANG SEBUT HARGA	9
5.	PENYERAHAN SEBUT HARGA	10
6.	KOS SEBUT HARGA	10
7.	HARGA DAN TEMPOH SAH LAKU	10 - 11
8.	KERAJAAN BERHAK UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK SEBAHAGIAN ATAU SEMUA SEBUT HARGA	11
9.	PENERIMAAN SEBUT HARGA	11 - 12
10.	PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN BEKALAN	12 - 13
11.	TANGGUNG JAWAB PENYEBUT HARGA	13
12.	MAKLUMAT DAN PENGALAMAN SYARIKAT	13
13.	BAYARAN	13
14.	JAMINAN ATAS SEBUT HARGA	14
15.	PENOLAKAN	14
16.	TAFSIRAN	14
17.	PINDAAN	15
18.	IKLAN	15
19.	PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI	15
20.	PEMERIKSAAN	15

BAHAGIAN II : SKOP SEBUT HARGA

**PERKHIDMATAN MENGUKUR, MENJAHIT DAN MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM
PEMBANTU PENGUATKUASA TERMASUK KASUT SERTA KELENGKAPAN
BERKAITAN DI PEJABAT DAERAH/TANAH KLANG**

BAHAGIAN III : FORMAT MAKLUM BALAS DAN BORANG

BORANG I	:	BORANG AKUAN SEBUT HARGA
BORANG II	:	SOAL SELIDIK MENGENAI PROFIL SYARIKAT
BORANG III	:	SOAL SELIDIK MENGENAI PENGALAMAN SYARIKAT
BORANG IV	:	SEBUT HARGA
BORANG V	:	SURAT AKUAN PEMBIDA

PENGENALAN SEBUT HARGA

PERKHIDMATAN MENGUKUR, MENJAHIT DAN MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM PEMBANTU PENGUATKUASA TERMASUK KASUT SERTA KELENGKAPAN BERKAITAN DI PEJABAT DAERAH/TANAH KLANG

(NO. SEBUTHARGA : PDTK / KP / 04 / 2019)

PERINGATAN :

- 1. Pembekal-pembekal dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir - butir dokumen sebut harga sebelum mengemukakan tawaran.**
- 2. Pastikan dokumen Sebut Harga adalah lengkap pada kesemua muka surat. Sekiranya terdapat maklumat lanjut yang diperlukan, adalah menjadi tanggungjawab pembekal untuk mendapatkan penjelasan daripada Bahagian Khidmat Pengurusan.**
- 3. Pembekal dikehendaki mengemukakan Sebut Harga mengikut format maklum balas yang telah dilampirkan.**

BAHAGIAN I

**ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT
KEPADA PENYEBUT HARGA**

PEJABAT DAERAH/TANAH KLANG

ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUT HARGA

**PEJABAT DAERAH/TANAH KLANG
JALAN KOTA,
41902 KLANG, SELANGOR**

(Penyebut harga-penyebut harga)

.....
.....
.....

Tuan/Puan,

SEBUT HARGA

**PERKHIDMATAN MENGUKUR, MENJAHIT DAN MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM
PEMBANTU PENGUATKUASA TERMASUK KASUT SERTA KELENGKAPAN
BERKAITAN DI PEJABAT DAERAH/TANAH KLANG**

NO. SEBUTHARGA : PDTK / KP / 04 / 2019

1. ARAHAN AM

- 1.1 Sebut harga adalah dipelawa dari penyebut harga-penyebut harga bagi perkhidmatan mengukur, menjahit dan membekal pakaian seragam Pembantu Penguatkuasa termasuk kasut serta kelengkapan di Pejabat Daerah/Tanah Klang.
- 1.2 Penyebut harga yang mengemukakan sebut harga adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan arahan-arahan yang terdapat dalam dokumen ini dan kontrak perjanjian kelak. Arahan-arahan dan syarat-syarat yang dinyatakan hendaklah disifatkan sebagai kontrak. **Sebut harga yang tidak mengikut syarat-syarat yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.**

2. BIDANG KERJA PENYEBUT HARGA

- 2.1 Perkhidmatan mengukur, menjahit dan membekal pakaian seragam penguatkuasa di Pejabat Daerah/Tanah Klang seperti telah ditetapkan dalam **BAHAGIAN I** dalam dokumen sebut harga ini.
- 2.2 Menggantikan bekalan pakaian atau kasut yang baru sekiranya bekalan asal didapati rosak atau tidak sesuai semasa penghantaran tanpa sebarang kos.

3. KEPERLUAN KELAYAKAN PENYEBUT HARGA

- 3.1 Tawaran dipelawa kepada penyebut harga-penyebut harga berikut:-
 - i. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah laku di bawah **Kod 020801, 020802 dan 222401** serta bertaraf Bumiputera; dan
 - ii. Berpengalaman dalam perkhidmatan menjahit pakaian sekurang-kurangnya selama tiga (3) tahun lepas atau semasa.
- 3.2 Kerajaan Negeri berhak untuk membatalkan pelantikan penyebut harga sekiranya perkhidmatan yang diberikan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan/ditawarkan dan dipersetujui seperti dalam Dokumen Sebut Harga.

4. BORANG SEBUT HARGA

- 4.1 Sebut harga hendaklah dikemukakan menggunakan format Borang Sebut harga sepertimana yang ditetapkan pada **BORANG I, BORANG II, BORANG III, BORANG IV dan BORANG V** dalam **BAHAGIAN III**. Sebut harga-sebut harga yang tidak dikemukakan menggunakan format borang sebut harga yang **berkenaan tidak akan diterima**. Walau bagaimanapun penyebut harga-penyebut harga boleh mengemukakan borang atau dokumen tambahan mengikut format dinyatakan untuk memberi penerangan lanjut.
- 4.2 Penyebut harga dikehendaki menandatangani **Borang Akuan Sebut Harga** seperti yang dilampirkan bagi mengesahkan tawaran sebut harga (**BORANG 1**).

5. PENYERAHAN SEBUT HARGA

- 5.1 Dokumen sebut harga perlu dikemukakan seperti format maklumbalas yang dinyatakan serta memenuhi keperluan **BAHAGIAN III**.
- 5.2 Sebut harga hendaklah dikemukakan dengan sampul surat berlakri (*sealed*) serta ditandakan.

**“PERKHIDMATAN MENGUKUR, MENJAHIT DAN
MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM PEMBANTU
PENGUATKUASA TERMASUK KASUT SERTA
KELENGKAPAN BERKAITAN DI PEJABAT
DAERAH/TANAH KLANG”**

- 5.3 Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di PDK atau melalui pos **selewat-lewatnya pada 22 Januari 2019 (Selasa)** jam 12.00 tengahari dan dialamatkan kepada:-

**Bahagian Khidmat Pengurusan
Tingkat 1, Pejabat Daerah/Tanah Klang
Jalan Kota
41902 KLANG**

- 5.4 Kerajaan Negeri tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan borang-borang penyertaan sebut harga akibat kesilapan alamat yang dihantar secara pos atau melalui tangan.

6. KOS SEBUT HARGA

- 6.1 Penyebut harga mesti menanggung sendiri semua kos berkaitan dengan penyediaan dan penghantaran sebut harga. Kerajaan tidak akan bertanggungjawab ke atas kos-kos tersebut.

7. HARGA DAN TEMPOH SAH LAKU

- 7.1 Semua harga hendaklah dinyatakan dalam **RINGGIT MALAYSIA (RM)** bagi setiap item dan berdasarkan kepada format yang disediakan menerusi **BORANG IV** dalam dokumen ini. Jadual harga yang dikemukakan mestilah dinyatakan dalam angka yang tepat bagi unit harga dan jumlah harga.
- 7.2 Harga yang disebutkan dalam sebut harga hendaklah sah laku di dalam tempoh tidak kurang **dari sembilan puluh (90) hari** dari tarikh tutup sebut harga.

- 7.3 Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih yang telah mengambilkira semua kos berkaitan bagi pelaksanaan pembekalan dengan sempurna termasuk semua diskaun, SST 6% dan kos tambahan yang berkaitan.
- 7.4 Dalam keadaan terkecuali, tempoh pengesahan sebut harga yang hampir tamat, Kerajaan Negeri akan meminta penyebut harga untuk menyambung tempoh pengesahan sebut harga tersebut. Permintaan ini dan maklum balasnya mestilah dibuat secara bertulis.
- 7.5 Penyebut harga yang bersetuju dengan permintaan di para 7.4 tidak akan dikehendaki atau dibenarkan mengubahsuai sebut harganya tetapi dikehendaki untuk melanjutkan tempoh pengesahan sebut harganya.
- 7.6 Harga tawaran tidak boleh diubah dalam tempoh sah asal Kerajaan Negeri tawaran atau tempoh lanjutan sekiranya diberikan.

8. KERAJAAN NEGERI BERHAK UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK SEBAHAGIAN ATAU SEMUA SEBUT HARGA

- 8.1 Kerajaan Negeri tidak terikat untuk menerima tawaran sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga yang diterima.
- 8.2 Kerajaan Negeri juga berhak untuk menerima sebahagian atau keseluruhan cadangan dalam tawaran sebut harga.
- 8.3 Keputusan Kerajaan Negeri adalah muktamad dan tidak akan terikat untuk memberi apa-apa alasan di atas penolakan mana-mana sebut harga.

9. PENERIMAAN SEBUT HARGA

- 9.1 Surat Setuju Terima akan diberikan secara bertulis kepada Penyebut Harga yang berjaya setelah sebut harga itu diterima oleh Kerajaan Negeri.
- 9.2 Surat berkenaan mungkin mengandungi apa-apa syarat atau pindaan tambahan kepada syarat yang disertakan pada dokumen ini dan jika demikian, sebut harga ini tidak boleh dianggap sebagai telah dipersetujui melainkan pengesahan bertulis daripada Penyebut Harga tentang persetujuannya terhadap syarat/pindaan tambahan itu diterima.
- 9.3 Apabila Surat Setuju Terima ditandatangani, kontrak dianggap sebagai telah dibuat antara Kerajaan Negeri dengan Penyebut Harga itu menurut syarat yang disertakan (termasuk syarat tambahan dan pindaan) dan tiada perjanjian atau syarat lain dianggap sebagai telah dimasukkan ke dalam kontrak ini.

- 9.4 Jika sebut harga ini dibatalkan sebelum tamat tempoh sah sebut harga atau mana-mana tempoh lanjutannya atau jika setelah sebut harga diterima, Penyebut Harga enggan atau gagal melaksanakan seperti yang dikehendaki oleh syarat kontrak, maka dalam mana-mana kejadian itu tanpa menjejaskan apa-apa hak yang ada padanya, Kerajaan Negeri berhak mengambil tindakan terhadap Penyebut Harga atau membatalkan pendaftaran Penyebut Harga itu sebagai kontraktor Kerajaan Negeri mengikut mana yang dianggap sesuai oleh Kerajaan Negeri.
- 9.5. Dokumen Sebut Harga ini juga menjadi sebahagian daripada syarat-syarat dan tiada pindaan akan dibuat pada mana-mana bahagian di dalam Dokumen Sebut Harga melainkan mendapat kebenaran daripada Kerajaan Negeri.

10. PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN

- 10.1 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menerima pesanan tempatan yang dikeluarkan oleh PDTK setelah selesai menandatangani surat setuju tawaran.
- 10.2 Penyebut Harga adalah dikehendak **menyempurnakan pembekalan dan penghantaran** semua bekalan dalam **tempoh dua (2) bulan daripada tarikh terima surat tawaran**.
- 10.3 Bagi menilai kualiti seperti yang dipersetujui, penghantaran pertama sebanyak lima (5) pasang hendaklah dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh terima surat tawaran. Pentadbiran ini berhak untuk membatalkan kontrak sekiranya kualiti pakaian yang dibekalkan tersebut tidak menepati spesifikasi dan kualiti yang telah ditetapkan. Pentadbiran ini juga hanya akan membayar mengikut bekalan yang telah disempurnakan sahaja.
- 10.4 Penyebut Harga adalah dikehendaki membekalkan pakaian seragam dan baju korporat Negeri Selangor yang telah siap dijahit dari kain yang berkualiti mengikut prosedur perolehan yang berkuatkuasa.
- 10.5 Sekiranya Penyebut Harga gagal menyempurnakan penghantaran bekalan/pelaksanaan kerja pada tarikh yang dipersetujui, Penyebut Harga dikehendaki membayar **denda sebanyak satu peratus (1%)** daripada nilai sebut harga untuk setiap hari kelewatannya.
- 10.6 Bagi penghantaran bekalan yang terpaksa ditangguhkan kerana sebab-sebab di luar kawalan Penyebut Harga seperti rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, bahaya laut atau yang seumpamanya, Kerajaan Negeri boleh membenarkan perlanjutan tempoh penghantaran tersebut

dengan syarat Penyebut Harga perlu mengemukakan notis sebab-sebab kerja tertangguh dan masa yang diperlukan.

11. TANGGUNGJAWAB PENYEBUT HARGA

11.1 Penyebut harga adalah dikehendaki membaiki atau menggantikan pakaian baru sekiranya didapati pakaian yang siap dijahit rosak atau tidak memenuhi spesifikasi tanpa mengenakan sebarang kos tambahan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pemulangan. Perkara yang sama turut terpakai untuk pembekalan kasut Pembantu Penguatkuasa.

12. MAKLUMAT DAN PENGALAMAN SYARIKAT

12.1 Penyebut harga perlu menyediakan maklumat mengenai syarikat pada **BORANG II dan BAHAGIAN III** dalam dokumen ini.

12.2 Penyebut harga perlu menyatakan pengalaman syarikat dalam mengendalikan perkhidmatan pembekalan pakaian seragam Pembantu Penguatkuasa dengan mengemukakan latar belakang projek, nama nama dan alamat syarikat atau agensi di mana projek tersebut dilaksanakan. Nyatakan tarikh projek tersebut selesai dan tarikh sebenar projek sepatutnya diselesaikan. Sila nyatakan projek-projek yang sedang dikendalikan dan tarikh projek tersebut dijadualkan tamat seperti pada **BORANG III dan BAHAGIAN III** dalam dokumen ini.

13. BAYARAN

13.1 Penyebut harga perlu menyatakan kuantiti, harga sepasang/sehelai dalam Ringgit Malaysia (RM), jumlah kuantiti dan jumlah harga dalam RM seperti format yang disediakan pada **BORANG IV dan BAHAGIAN III** dalam Dokumen ini.

13.2 Pembayaran akan dibuat apabila penghantaran pakaian atau kasut tersebut telah dilaksanakan dengan lengkap dan sempurna serta disahkan oleh pegawai yang dilantik oleh Kerajaan Negeri.

13.3 Kerajaan Negeri tidak boleh membuat bayaran jika didapati penghantaran bekalan/pelaksanaan kerja tidak menepati spesifikasi. Bayaran hanya boleh dilaksanakan setelah Penyebut Harga membuat penggantian atau membaiki terhadap bekalan tersebut.

14. JAMINAN ATAS SEBUT HARGA

14.1 Pendaftaran Penyebut Harga di Kementerian Kewangan adalah merupakan jaminan ke atas semua sebut harga yang dikemukakan. Sekiranya Penyebut Harga menarik balik tawaran sebelum sebut harga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah Surat Setuju Terima dikeluarkan, tindakan tatatertib akan diambil oleh Kementerian Kewangan seperti berikut:

- a) Menggantung pendaftaran selama dua (2) tahun bagi kesalahan pertama;
- b) Menggantung pendaftaran selama lima (5) tahun bagi kesalahan kedua; dan
- c) Pendaftaran akan dipotong terus bagi kesalahan berikutnya.

15. PENOLAKAN

15.1 Kerajaan Negeri berhak menolak sebut harga yang ditawarkan sekiranya Penyebut Harga menghantar barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui.

15.2 Apabila diminta, Penyebut Harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan Negeri segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan

15.3 Perenggan 15.1 dan 15.2 di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan Negeri untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

16. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan Penyebut Harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang-bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

17. PINDAAN

Kerajaan Negeri berhak meminda atau membatalkan mana-mana dokumen yang membentuk sebahagian daripada pelawaan sebut harga ini, pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu. Sekiranya Pelawaan Sebut Harga ini dikeluarkan semula, maka semua Penyebut Harga akan dimaklumkan sewajarnya.

18. IKLAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan yang terkini melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri terlebih dahulu.

19. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan dalam pelawaan ini.

20. PEMERIKSAAN

20.1 Kerajaan Negeri sentiasa berhak melantik seorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut.

20.2 Penyebut Harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

BAHAGIAN II

PENENTUAN TEKNIKAL

PEJABAT DAERAH/TANAH KLANG

PERKHIDMATAN MENGUKUR, MENJAHIT DAN MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM PEMBANTU PENGUATKUASA TERMASUK KASUT SERTA KELENGKAPAN BERKAITAN DI PEJABAT DAERAH/TANAH KLANG

(NO. SEBUTHARGA PDTK / KP / 04 / 2019)

- a) Kerajaan Negeri berhak menentukan pemilihan pembekal pakaian seragam Pembantu Penguatkuasa termasuk kasut serta kelengkapan berkaitan serta mengklasifikasikan item mengikut harga tawaran.
- b) Penyebut harga dikehendaki:-
 - i) Mengukur, menjahit dan membekalkan **tiga (3) pasang Pakaian Seragam Pembantu Penguatkuasa** yang siap dijahit dari kain yang berkualiti **beserta kelengkapan berkaitan** dan **dua (2) pasang kasut** yang bersesuaian kepada 20 orang Pembantu Penguatkuasa PTDK (17 orang lelaki dan 3 orang wanita).
 - ii) Mengukur, menjahit dan membekalkan **sepasang Pakaian Seragam Pegawai Penguatkuasa** yang siap dijahit dari kain yang berkualiti **beserta kelengkapan berkaitan** dan **sepasang kasut** yang seperti berikut:

BIL.	JENIS BEKALAN	JENIS KAIN / KASUT	KUANTITI	HARGA SEUNIT/ PASANG (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Uniform Operasi (<i>Tuck in</i> - 2 poket) + Logo + Tanda Nama	Kod 3243	17 pasang (1 psg x 17 org)		
2.	Uniform Operasi (4 poket) + Logo + Tanda Nama	Kod 3243	44 pasang (2 psg x 17 lelaki) (3 psg x 3 wanita) (1 psg x 1 lelaki)		
3.	Boot Operasi (<i>Tactical Boot</i>)	DELTA CORDURA	41 pasang (2 psg x 20 org) (1 psg x 1 org)		
4.	T.Shirt (kolar bulat) Biru Gelap + Logo		42 Helai (2 Helai x 21 org) *36 helai lengan pendek *6 helai lengan panjang		
5.	T.Shirt (Berkolar) Biru Gelap + Logo		42 Helai (2 Helai x 21 org) *36 helai lengan pendek *6 helai lengan panjang		
6	Pakaian Seragam No. 5 (Bush Jacket - Lelaki)		1 pasang (1 psg x 1 lelaki)		
	Butang Emas (Besar)		6 biji		
	Butang Emas (Kecil)		6 biji		
	Rantai Wisel Emas		1 unit		
	Logo Penguatkuasa (Besi Magnet)		1 unit		
	Lencana Kolar / Gorget		1 unit		
	Gelaran Bahu Emas		1 pasang		

BIL.	JENIS BEKALAN	JENIS KAIN / KASUT	KUANTITI	HARGA SEUNIT/ PASANG (RM)	JUMLAH (RM)
7.	Beret (<i>Dark Blue</i>) + Logo		21 unit		
8.	Baseball Cap (<i>Dark Blue</i> + Logo)		21 unit		
9.	Tali Pinggang Nylon + Logo		21 unit		
10.	Tali Pinggang Operasi + Logo		21 unit		
11.	Vest Penguatkuasa (Pantulan Cahaya)		6 unit		
12.	Tudung <i>Lycra</i> (<i>Dark Blue</i>)		6 pasang (2 psg x 3 org)		
JUMLAH (RM)					

BAHAGIAN III

BORANG-BORANG

PEJABAT DAERAH/TANAH KLANG

BORANG AKUAN SEBUT HARGA

Kepada :

Pejabat Daerah/Tanah Klang
Bahagian Khidmat Pengurusan
Jalan Kota, 41902 Klang
Selangor

Tuan,

NOMBOR RUJUKAN SEBUT HARGA : PDTK / KP / 04 / 2019

**PERKHIDMATAN MENGUKUR, MENJAHIT DAN MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM
PEMBANTU PENGUATKUASA TERMASUK KASUT SERTA KELENGKAPAN
BERKAITAN DI PEJABAT DAERAH/TANAH KLANG**

Merujuk kepada iklan tuan berkenaan perkara di atas, dan tertakluk kepada Arahan dan Syarat-syarat Kepada Penyebut harga, Pihak yang bertandatangan di bawah menawarkan untuk membekal dan menghantar sepertimana sebahagian yang terkandung dalam kontrak, bersetuju dengan spesifikasi yang dinyatakan dan kadar yang ditetapkan oleh pihak yang bertandatangan di bawah berserta senarai harga yang disertakan bersama sebut harga.

Pihak yang bertandatangan di bawah bersetuju untuk terikat sepertimana yang ternyata dalam Arahan dan Syarat-syarat Kepada Penyebut harga, spesifikasi dan jadual harga, dan bersetuju dengan harga berdasarkan kepada penilaian barang secara individu yang dibekalkan dari semasa ke semasa.

Dan selanjutnya, pihak yang bertandatangan di bawah bersetuju untuk menyiapkan pembekalan dan penghantaran dan bekerja mengikut Arahan dan Syarat-syarat Kepada Penyebut harga yang diberikan.

Sebagaimana yang telah difahami, pihak tuan boleh menerima atau menolak sebut harga kami tanpa apa-apa alasan. Sebut harga ini akan sentiasa sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh penyerahan sebut harga.

Dan selanjutnya, pihak bertandatangan di bawah bersetuju sekiranya tuan menerima sebut harga ini untuk menyediakan Perjanjian Kontrak Rasmi dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh dihantar tangan sepertimana yang tertakluk dalam perenggan 9 Arahan dan syarat-syarat kepada Penyebut harga. Pihak bertandatangan di bawah pasti, selepas penelitian, dokumen yang digunakan dalam sebut harga ini adalah salinan asal seperti yang termasuk dalam cadangan sebut harga.

Tempoh sah laku sebut harga (minimum Sembilan puluh (90) hari) : _____

Tempoh siap kerja/penghantaran : **dua (2) bulan dari tarikh terima surat tawaran.**

Tandatangan
Penyebut harga :

Tandatangan
Saksi kepada
Penyebut harga :

Nama dan alamat syarikat

Nama dan alamat syarikat

Tarikh :

Tarikh :

SOAL SELIDIK MENGENAI PROFIL SYARIKAT

Arahan : Semua butir-butir di dalam ruangan yang dinyatakan di bawah ini hendaklah dilengkapkan oleh penyebut harga dengan betul dan tepat. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tawaran sebut harga ini ditolak dan tidak dipertimbangkan. Gunakan lampiran jika perlu.

Butir-butir Syarikat

1. No. Pendaftaran Syarikat :.....Tarikh Tamat :.....
2. No. Pendaftaran Kem.Kewangan :..... Tarikh Tamat :
3. Taraf Syarikat* : Bumiputera/Bukan Bumiputera
4. Peratus Modal :.....% Bumiputera/% Bukan Bumiputera/.....% Lain-lain
5. Tempoh Sah Pengiktirafan Syarikat Bumiputera :.....Hingga.....
6. Jenis Syarikat* : Perseorangan/ Perkongsian/ Sdn. Bhd./ Lain-lain
.....(Nyatakan)

Butir-butir Modal

1. Modal Dibenarkan : RM.....
2. Modal Dibayar : RM.....

Pemegang Saham

Senarai Pemegang-pemegang Saham

Bil.	Nama/Jawatan	No. K/P	% Pegangan
1.
2.
3.

* - Sila potong yang tidak berkenaan.

- Sila lampirkan tiga (3) Bulan Penyata Kewangan Syarikat bagi bulan Oktober, November dan Disember 2018 untuk semakan.

BORANG III

SOAL SELIDIK MENGENAI PENGALAMAN SYARIKAT

1. Sila nyatakan dan sertakan kedudukan bilangan kakitangan teknikal, tahun pengalaman dan kelayakan.
2. Sila nyatakan kerja dalam tangan atau projek yang masih dikendalikan yang melibatkan syarikat, jenis kerja, lokasi dan tarikh projek tersebut dijadualkan tamat.
3. Pengalaman dalam melaksanakan projek yang berkaitan menjahit dan membekalkan pakaian dalam tiga (3) tahun yang lepas (sila buat ringkasan mengenai projek termasuk nilai, pelanggan untuk dihubungi dan alamat/telefon serta jangka masa/tahun projek seperti di bawah):-

Nama Organisasi, Rujukan Pelanggan dan Lokasi	Perkara / Skop kerja	Tempoh pelaksanaan	Nilai projek (RM)

BORANG IV

SEBUTHARGA BAGI BAJU SERAGAM PEMBANTU PENGUATKUASA TERMASUK KASUT SERTA KELENGKAPAN BERKAITAN

BIL.	JENIS BEKALAN	JENIS KAIN / KASUT	KUANTITI	HARGA SEUNIT/ PASANG (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Uniform Operasi (<i>Tuck in</i> - 2 poket) + Logo + Tanda Nama	Kod 3243	17 pasang (1 psg x 17 org)		
2.	Uniform Operasi (4 poket) + Logo + Tanda Nama	Kod 3243	44 pasang (2 psg x 17 lelaki) (3 psg x 3 wanita) (1 psg x 1 lelaki)		
3.	Boot Operasi (<i>Tactical Boot</i>)	DELTA CORDURA	41 pasang (2 psg x 20 org) (1 psg x 1 org)		
4.	T.Shirt (kolar bulat) Biru Gelap + Logo		42 Helai (2 Helai x 21 org) *36 helai lengan pendek *6 helai lengan panjang		
5.	T.Shirt (Berkolar) Biru Gelap + Logo		42 Helai (2 Helai x 21 org) *36 helai lengan pendek *6 helai lengan panjang		
6	Pakaian Seragam No. 5 (Bush Jacket - Lelaki)		1 pasang (1 psg x 1 lelaki)		
	Butang Emas (Besar)		6 biji		
	Butang Emas (Kecil)		6 biji		
	Rantai Wisel Emas		1 unit		
	Logo Penguatkuasa (Besi Magnet)		1 unit		
	Lencana Kolar / Gorget		1 unit		
	Gelaran Bahu Emas		1 pasang		

BIL.	JENIS BEKALAN	JENIS KAIN / KASUT	KUANTITI	HARGA SEUNIT/ PASANG (RM)	JUMLAH (RM)
7.	Beret (<i>Dark Blue</i>) + Logo		21 unit		
8.	Baseball Cap (<i>Dark Blue</i> + Logo)		21 unit		
9.	Tali Pinggang Nylon + Logo		21 unit		
10.	Tali Pinggang Operasi + Logo		21 unit		
11.	Vest Penguatkuasa (Pantulan Cahaya)		6 unit		
12.	Tudung <i>Lycra</i> (<i>Dark Blue</i>)		6 pasang (2 psg x 3 org)		
JUMLAH (RM)					
Tambahan 6% SST (Sekiranya Penyebut Harga berdaftar dengan Jabatan Kastam)					
JUMLAH KESELURUHAN (RM)					

SURAT AKAUN PEMBIDA

BAGI

**PERKHIDMATAN MENGUKUR, MENJAHIT DAN MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM
PEMBANTU PENGUATKUASA TERMASUK KASUT SERTA KELENGKAPAN
BERKAITAN DI PEJABAT DAERAH/TANAH KLANG**

(NO. SEBUTHARGA : PDTK / KP / 04 / 2019

Saya,nombor K.P.....yang mewakili
(Nama Wakil Syarikat)

.....nombor pendaftaran.....
(Nama Syarikat) (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)

dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Pejabat Daerah/Tanah Klang (PDTK)** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan surat perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan melaporkan kepada (SPRM) atau balai polis yang berhampiran dengan segera.

Yang Benar,

.....
Nama :
No. KP :
Tarikh :
Cop Syarikat :